

Kod Etika Pengarah Syarikat

Meningkatkan Kecekapan Tingkahlaku Korporat

Negara kita telah mengalami pertumbuhan ekonomi yang membanggakan sejak beberapa tahun yang lalu dan tidak dapat disangkal lagi bahawa sektor korporat merupakan salah satu sektor utama yang menyumbang ke arah pertumbuhan tersebut. Pada akhir tahun 1990, sebanyak 213,658 buah syarikat berdaftar di Pejabat Pendaftar Syarikat. Bilangan tersebut meningkat kepada 289,048 pada akhir tahun 1993 dan setakat 31 Mac 1996, sebanyak 381,872 buah syarikat terdapat di dalam daftar Pejabat tersebut.

Pertumbuhan sektor korporat yang pesat serta perkembangan perundangan persyarikatan yang sejajar dengannya memerlukan pengetahuan dan kemahiran yang tinggi di kalangan pengarah-pengarah mengenai selok-belok pengurusan sesebuah syarikat. Telah terbukti bahawa pengurusan syarikat yang tidak cekap dan kurang bertanggungjawab serta sifat mementingkan diri sendiri di kalangan pengarah-pengarah, merupakan salah satu faktor utama kegagalan korporat.

Walaupun Akta Syarikat 1965 mengandungi peruntukan-peruntukan yang mencukupi untuk mengawal pengarah-pengarah bagi melindungi kepentingan pemegang saham dan pelabur amnya, masih ramai pengarah yang kurang memahami peruntukan-peruntukan tersebut.

Kegagalan menunaikan tugas-tugas statutori pengarah-pengarah amat ketara jika dilihat pada bilangan kompaun yang dikeluarkan serta jumlah



YB. Dato' Hj. Abu Hassan
Hj. Omar

kompaun yang dikutip. Sepanjang tahun 1995, sebanyak 35,159 notis kompaun telah dikenakan terhadap pelbagai kesalahan di bawah Akta Syarikat 1965 dan sejumlah RM19,697,511 denda kompaun dikutip. Denda kompaun serupa ini merugikan syarikat dan pemegang-pemegang sahamnya. Keadaan ini tidak sepatutnya terjadi jika pengarah-pengarah sentiasa peka dengan kewajipan dan tanggungjawab mereka.

Tindakan untuk terus mengenakan denda kompaun ke atas para pengarah syarikat yang didapati melanggar peruntukan-peruntukan Akta Syarikat bukanlah satu cara yang paling baik untuk menangani masalah tersebut. Untuk jangka

panjang, adalah difikirkan lebih sesuai dan berkesan sekiranya pengarah-pengarah syarikat diberikan sedikit kesedaran mengenai tanggungjawab mereka sebagai seorang pengarah syarikat, baik dari segi perundangan mahupun dari segi sosial. Bagi tujuan mewujudkan dunia korporat yang beretika dan berkembang dalam suasana yang sihat, maka kod etika bagi pengarah-pengarah syarikat diperkenalkan.

Di samping menekankan perkara-perkara mengenai tanggungjawab pengarah syarikat di bawah perundangan yang ada, kod etika ini juga menekankan tanggungjawab sosial yang sepatutnya wujud di kalangan sektor korporat. Walaupun kod etika pengarah ini bukanlah merupakan suatu perundangan, sesetengah daripadanya merupakan peruntukan-peruntukan daripada akta yang digubal semula dengan cara penyampaian yang mudah difahami oleh kebanyakan orang. Kegagalan untuk mematuhi kod etika tersebut boleh dianggap sebagai kegagalan untuk mematuhi peruntukan-peruntukan undang-undang yang berkenaan dan tindakan boleh diambil terhadap pengarah berkenaan di bawah peruntukan Akta Syarikat.

Mengenai perkara-perkara berkaitan tanggungjawab sosial pula, kod etika ini bertujuan untuk menyemaikan kesedaran di kalangan pengarah-pengarah



Memperkembangkan Akta Timbang dan Sukat 1972

Kursus lanjutan Metrologi adalah kursus dalam perkhidmatan yang pertama dianjurkan oleh Bahagian Penguatkuasa bagi tahun 1996. Melalui kursus-kursus seperti ini, pegawai-pegawai dapat merapatkan hubungan di antara mereka, meningkatkan dan meluaskan pengetahuan di dalam menjalankan tugas-tugas mengikut perkembangan baru, menyumbang idea-idea bagi memperkembangkan tugas-tugas dan meningkatkan keupayaan masing-masing.

Legal Metrology adalah satu bidang yang luas dan telah mengalami beberapa perkembangan baru kebelakangan ini. Malaysia sebagai "Corresponding Member" OIML hendaklah bersedia melaksanakan segala "recommendation OIML" dan para pegawai sebagai satu komponen penting dalam sistem pengukuran negara adalah terlibat secara keseluruhannya di dalam 'exercise' ini.

Program pertama adalah cadangan Kerajaan menswastakan tugas-tugas penentusahan alat-alat timbang dan sukat. Usaha-usaha menswastakan tugas-tugas penentusahan sedang giat berjalan dan dijangka sempurna dalam masa dua tahun ini. Rancangan penswastakan ini adalah satu daripada rancangan Kerajaan untuk membenarkan syarikat-syarikat swasta menjalankan perkhidmatan teknikal dan profesional secara lebih berkesan dengan menyediakan alat-alat dan standard-standard yang termoden dengan tenaga pekerja mahir.

Penswastakan tidak bermakna penutupan Unit Metrik di ibu pejabat dan di peringkat cawangan. Sebaliknya, peranan Unit Metrik dari segi operasi, akan bertukar menjadi "regulatory." Syarikat swasta yang dilantik akan hanya menjalankan segala tugas teknikal walhal tugas-tugas mengawasi kerja-kerja syarikat swasta berkenaan serta pelesenan dan tanggungjawab lain di bawah Akta Timbang dan Sukat 1972 akan menjadi tugas utama Kementerian.

Program kedua adalah pewujudan Akta Pengukuran Negara. Bagi melaksanakan tugas ini Kerajaan telah melantik seorang pakar dari New Zealand dan beliau telah pun memulakan tugasnya.

Akta yang disediakan dijangka menjadi satu akta payung (*umbrella act*) yang akan menentukan "linkages" kepada perkembangan dalam bidang *industrial metrology, scientific metrology, accreditation* dan tugas-tugas yang berkaitan. Ini



Y.Bhg. Datuk Samsudin Osman

bermakna *legal metrology* dan tugas-tugas penentusahan di bawah Akta Timbang dan Sukat 1972 hendaklah dikekalkan dan terus menjadi bidang tugas Kementerian. Bagaimanapun, tidak dapat dinafikan iaitu Akta Timbang dan Sukat 1972 hendaklah dipinda selaras dengan Akta Pengukuran Negara yang baru.

Saya berharap peraturan-peraturan pembungkusan di bawah Akta Timbang dan Sukat 1972 akan disiapkan menjelang akhir tahun ini. Ia adalah untuk mengawal selia pembungkusan artikel-artikel yang sedia dibungkus (*pre-packed articles*). Ia bertujuan memberi perlindungan kepada pengguna serta memperkenalkan keseragaman dalam saiz-saiz bungkusan dalam pasaran tempatan.

Selain kerja-kerja teknikal, tugas-tugas metrik juga melibatkan kerja kutipan dan perakaunan hasil fee penentuan serta menguatkuasakan Akta Timbang dan Sukat 1972 serta peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya. Sehubungan itu, ia perlu difahami dan dilaksanakan dengan seragam, profesional dan baik supaya tidak menimbulkan masalah dan kekeliruan.

Petikan Ucapan Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Y. Bhg. Datuk Samsudin Osman di Majlis Perasmian Kursus Lanjutan Metrologi Dalam Perkhidmatan pada 15 April 1996.

Penasihat

YB. Dato' Hj. Abu Hassan Hj. Omar

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

Sidang Redaksi

Ketua Pengarang

Y.Bhg. Datuk Samsudin Osman

Pengarang

Encik Mohamed Iqbal Mohd Shafi

Encik Zulkipli Abu Bakar

Penasihat Pengarang

Prof. Mohd Hamdan Adnan

Dr. Sothi S. Rachagan

Encik Bisn Singh Bahadur

Penolong Pengarang

Encik Lim Ming Lee

Puan P. Jayanthi

Pengedar: FOMCA

Warta CERMAT merupakan projek usahasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan FOMCA dan diterbitkan secara bulanan. Sumbangan rencana, berita dan surat boleh dihantar kepada:

Ketua Pengarang

Warta CERMAT

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri

dan Hal Ehwal Pengguna,

Bahagian Hal Ehwal Pengguna,

Tingkat 23, Menara Maybank,

100, Jalan Tun Perak

50050 Kuala Lumpur

Tel: 03-2329955

Fax: 03-2389558

Timbalan Ketua Setiausaha Baru Kementerian

Mulai 1 April 1996, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN & HEP) mendapat Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan & Konsumerisma) yang baru, iaitu Encik Mohd. Nor Hj. Mohd. Yassin. Beliau menggantikan Tuan Hj. Alias Sulaiman yang bersara (wajib) dari perkhidmatan awam.

Sebelum bertugas di KPDN & HEP, Encik Mohd. Nor bertugas sebagai Timbalan Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Di antara jawatan-jawatan lain yang disandang beliau ialah Setiausaha Bahagian Kewangan, Kementerian Dalam Negeri (1990-1993); Setiausaha Bahagian Perkhidmatan, Kementerian Kesihatan (1985-1990) dan Timbalan Setiausaha Bahagian Kewangan, Kementerian Pendidikan (1982-1985).

Encik Mohd. Nor, 54 tahun, memulakan kerjayanya dalam perkhidmatan awam sebagai Penolong Pegawai Daerah Slim River dalam tahun 1967. Beliau kemudiannya berkhidmat di Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (1968-1969); Jabatan Perkhidmatan Awam (1970-1973);

Pejabat Perjawatan Persekutuan Sabah (1973-1976); Perbendaharaan (1977-1978); Pejabat Kewangan Persekutuan Sarawak (1978-1980) dan Pejabat Kewangan Negeri Sembilan (1980-1983).

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN & HEP) mengalu-alukan kedatangan Encik Mohd. Nor bin Hj. Mohd. Yassin. Dengan pengalaman beliau yang begitu luas dalam perkhidmatan awam, Encik Mohd. Nor tentunya dapat memberi manfaat yang besar kepada KPDN & HEP. Tuan Hj. Alias, bekas Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan dan Konsumerisma) 55 tahun, telah berkhidmat di KPDN & HEP sejak tahun 1991. KPDN & HEP mengucapkan terima kasih kepada Tuan Hj. Alias atas sumbangan beliau kepada Kementerian dan Selamat Bersara.



Encik Mohd Nor Hj.
Mohd. Yassin

Mengembara Dalam Internet

Oleh: Wan Mohd. Rosdi Wan Dolah
Bhg. Teknologi Maklumat

Semakin ramai orang menggunakan Internet untuk memperolehi maklumat, menjadikan dunia komunikasi lebih luas. Bagi pengguna yang mempunyai akses kepada Internet, pelbagai jenis maklumat boleh diperolehi untuk menambah pengetahuan mereka mengenai kepenggunaan.

"Home page" yang agak menarik berhubung dengan dunia pengguna ialah [HTTP://WWW.WINWEB.COM.MY](http://WWW.WINWEB.COM.MY). Ia menyebarkan maklumat kepenggunaan dan agensi kepenggunaan di peringkat antarabangsa. Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) disenaraikan sebagai salah satu agensi di dalam senarai itu. Dari senarai ini, pengguna Internet boleh sampai ke "Home page" CAP.

Maklumat kepenggunaan yang agak menyeluruh boleh diperolehi menerusi "Better Business Bureau" (BBB) di [HTTP://WWW.CBBB.ORG](http://WWW.CBBB.ORG). Melalui "Home page" tersebut, maklumat kepenggunaan yang berkaitan dengan penerbitan, perkhidmatan dan sebagainya boleh diperolehi. Home page St. Louis menawarkan Indeks Harga Pengguna (CPI) di bandar Amerika Syarikat. Indeks ini disenaraikan dengan menarik dan memberi maklumat penting kepada pengguna. [HTTP://WWW.CEC.LU](http://WWW.CEC.LU) pula menawarkan asas dalam mewujudkan dasar

kepenggunaan. Maklumat ini disebarkan dari Eropah.

Pusat kepenggunaan yang ditawarkan oleh [HTTP://WWW.PUEBLO.GSA.GOV](http://WWW.PUEBLO.GSA.GOV), iaitu agensi kepenggunaan di Amerika Syarikat juga tidak kurang menarik. Pusat ini menerbitkan maklumat kepenggunaan yang sangat berguna. Terdapat juga universiti yang menawarkan maklumat kepenggunaan seperti University of Illinois dan Cornell.

Internet juga digunakan oleh beberapa pakar atau orang perseorangan untuk sama-sama berkongsi maklumat. Misalnya, A.P. Hearn menawarkan perkhidmatan mengenai sewa beli kereta di [HTTP://WWW.MINDSPRING.COM](http://WWW.MINDSPRING.COM). Beliau menggunakan pengalaman kerjanya selama 12 tahun dalam bidang sewa beli kereta untuk memberikan panduan dari segi perundingan, syarat atau teknik jual beli kereta, terutama kereta terpakai.

Lawatilah juga "Home page" Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna di [HTTP://KPDNHQ.GOV.MY](http://KPDNHQ.GOV.MY). "Home page" tersebut telah mula diadakan pada 1995 dan dikemaskini dari masa ke masa, untuk manfaat pengguna Internet. Selamat mengembara.



Hak hidup dalam alam sekitar yang menjamin kesihatan adalah antara hak pengguna yang terpenting. Hak untuk mendapatkan alam sekitar yang selamat semakin perlu dibicarakan secara serius dan diperjuangkan kerana kejadian pencemaran dan pemusnahan alam sekitar kian meningkat dan semakin membimbangkan.

**Bersama
Mewujudkan**

ALAM SEKITAR YANG SIHAT DAN SELAMAT

Kejadian tanah runtuh, banjir kilat, jerebu dan cuaca yang semakin tidak menentu adalah antara gejala yang dapat dirasai akibat alam sekitar yang semakin tercemar. Pencemaran dan kemusnahan alam sekitar berlaku kerana kecuaiian manusia, tindakan manusia yang tidak bertanggungjawab dan kurangnya kesedaran

pengguna mengenai pentingnya pemeliharaan alam sekitar. Manakala projek-projek pembangunan yang tidak mengikut peraturan dan kurangnya keprihatinan terhadap nilai serta kualiti alam sekitar pula menambah lagi kemusnahan alam sekitar.

Kemusnahan alam sekitar sebenarnya

*Kemusnahan
alam sekitar
jika dilihat
pada aspek
yang
menyeluruh
sebenarnya
merugikan
semua
pihak,
khususnya
manusia
yang
menjadi
pengguna
utama
kepada
alam sekitar*



Bersama kita memelihara alam sekitar yang bersih dan sihat.



Alam semulajadi yang indah dan segar menghasilkan udara yang bersih.

merugikan semua pihak, khususnya manusia yang menjadi pengguna utama alam sekitar. Kemusnahan alam sekitar secara langsung menjejaskan kualiti alam sekitar yang bersih, nyaman dan segar. Kesihatan pengguna terjejas kerana udara tidak lagi bersih. Kejadian tanah runtuh mengorban nyawa dan harta pengguna. Manakala hujan yang lebat pula menyebabkan berlakunya banjir kilat yang mengancam harta dan nyawa pengguna.

Jadi, bayangkanlah betapa kelalaian dan tindakan manusia sendiri telah mencetuskan suasana yang membimbangkan dan tidak selamat.

Sehubungan itu, masih belum terlambat untuk bertindak. Para pengguna, terutamanya manusia masih boleh menangani dan mengatasi isu alam sekitar ini. Semua pihak sewajarnya berganding bahu dan komited ke arah pemeliharaan dan pewujudan alam sekitar yang sihat dan selamat untuk semua. Kerajaan, pihak

industri (swasta) dan orang ramai mesti sensitif dan prihatin terhadap isu ini.

Kerajaan, umpamanya melalui Akta Kualiti Alam Sekitar, 1974, boleh menguatkuasa dan bertindak tegas terhadap mana-mana pihak yang melanggar peraturan-peraturan di bawah akta tersebut; yang boleh menjejaskan kualiti alam sekitar. Pada pihak industri pula, mereka perlu prihatin dan bersikap lebih bertanggungjawab, terutama dari segi pembuangan sisa-sisa toksik dan memastikan projek-projek pembangunan tidak mengabaikan pemeliharaan alam sekitar. Manakala, orang ramai adalah 'penjaga dan pemerhati' yang perlu sentiasa prihatin dan peka dengan perkara yang membabitkan alam sekitar. Ini boleh dicapai melalui pendidikan dan kepekaan awam yang berterusan.

Perlu diingat bahawa alam sekitar yang sihat dan selamat sesungguhnya menguntungkan semua pihak dan tidak merugikan sesiapa pun.

Tips MEMELIHARA ALAM SEKITAR

- ✓ Asingkan kategori bahan-bahan buangan sebelum membuang seperti kaca, makanan, plastik, bekas tin dan aluminium dan sampah sarap.
- ✓ Buang dengan sempurna bahan-bahan buangan yang merbahaya. Hubungi majlis-majlis tempatan bagi mendapatkan nasihat.
- ✓ Cermat dalam penggunaan racun haiwan dan serangga yang mengandungi bahan kimia.
- ✓ Kurangkan penggunaan bahan-bahan yang tidak boleh dikitar semula (*recycle*) seperti plastik.
- ✓ Perbanyakkan penanaman pokok-pokok.
- ✓ Laporkan kepada Jabatan Alam Sekitar sekiranya anda melihat pembuangan sisa-sisa kilang ke dalam sungai atau tempat-tempat yang tidak sepatutnya.
- ✓ Anjurkan kempen kebersihan di kawasan anda.
- ✓ Cintailah alam sekitar dan bersama membantu memelihara alam sekitar.
- ✓ Jangan membakar sampah.
- ✓ Jangan buang sampah merata-rata dan gunakanlah tempat yang telah disediakan.

Peranan Pengguna Dalam Mencapai Wawasan

Majlis Hal Ehwal Pengguna Negeri (MHEPN) Selangor telah menganjurkan seminar Pendidikan Pengguna bertajuk "Peranan Pengguna Dalam Mencapai Wawasan" pada 1 April lalu di Kajang. Seminar dirasmikan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, YB. Dato' Hj. Abu Hassan Hj. Omar.

Tujuan seminar diadakan ialah untuk meningkatkan pengetahuan sambil memberi pendedahan tentang kepenggunaan dan peranan pengguna dalam pembangunan negara masa kini dan akan datang. Sambutan terhadap seminar Pendidikan Pengguna tersebut amat menggalakkan. Seramai 260 peserta yang terdiri daripada ahli-ahli UMNO, MCA dan MIC Bahagian Serdang dan Hulu Langat, PUSPANITA Daerah Hulu Langat serta pelajar-pelajar Universiti Pertanian Malaysia, Serdang telah menyertai seminar tersebut.



Di antara penceramah-penceramah yang membentangkan kertas kerja ialah Prof. Madya Dr. Halimah Hj. Ahmad dari Universiti Pertanian Malaysia, Serdang dan Cik Noraini Khaironi dari Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA).

PENGGUNA DAN MEDIA MASSA

Jika bilangan soalan yang dikemukakan oleh hadirin merupakan satu ukuran kejayaan sesebuah forum, Forum "Pengguna dan Media Massa" anjuran para pelajar Pusat Pendidikan Luar (PPL) Institut Teknologi MARA (ITM) pada 2 April lepas amat berjaya. Pameran pengguna turut diadakan sempena forum tersebut.

Forum yang berlangsung di Auditorium Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam itu menjadi medan utama para pelajar sekolah menengah dari sekitar Shah Alam dan Klang mendapatkan penjelasan lanjut mengenai hal ehwal kepenggunaan dan peranan media massa.



Exco Kerajaan Negeri Selangor, YB. S.S. Rajagopal (berkot hitam) di salah sebuah gerai pameran.

Pengarah projek, En. Mohamad Nasir Yusoff berkata, objektifnya adalah untuk mendorong penglibatan orang ramai, terutama kanak-kanak sekolah dalam kegiatan kepenggunaan sambil memperkukuhkan kesedaran dan pengetahuan mereka sebagai pengguna.

Ahli panel forum terdiri daripada Presiden Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Prof. Mohd. Hamdan Adnan, Pengarang Berita Harian, En. Azman Ujang dan Ketua Pegawai Penguatkuasa (Negeri Selangor), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan

Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hj. Mohamed bin Ismail. Program dirasmikan oleh Exco Kerajaan Negeri Selangor yang juga Pengerusi MHEPN Selangor, YB. Encik S.S. Rajagopal.

Persatuan-persatuan dan Kelab-kelab Pengguna di seluruh negara dipelawa menyumbang mengenai sebarang kegiatan masing-masing dalam bentuk artikel dan gambar untuk dimuatkan dalam ruangan ini. Semua sumbangan hendaklah dialamatkan kepada: Ketua Pengarang CERMAT, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tingkat 23, Menara Maybank, 50050 K. Lumpur.

KEWAJIPAN MENJIMATKAN PERBELANJAAN ISI RUMAH

Dalam usaha kita menuju sasaran inflasi sifar, kita perlu berwaspada terhadap segala perbelanjaan kita. Kita bukan sahaja harus berhati-hati sebelum membuat pembelian, malah kita juga perlu jimat dalam kegiatan harian dan perbelanjaan lain seperti penggunaan air, elektrik, telefon, masakan dan sebagainya.

Berikut ialah beberapa tips bagaimana anda boleh menjimatkan perbelanjaan isi rumah:

Bil Elektrik


Periksa meter elektrik untuk memastikan bahawa bacaan semasa tidak terlalu tinggi bezanya daripada yang dicatat pada bil. Sekiranya bil anda adalah anggaran, ia ditanda dengan huruf 'E' pada bil. Sekiranya anggaran ini terlalu tinggi, maka anda perlulah menghubungi Pejabat Tenaga Nasional yang berhampiran untuk mendapat penjelasan dan mendapat bacaan kedua. Dengan cara ini, anda sentiasa peka dengan jumlah penggunaan elektrik yang anda gunakan pada setiap bulan.

Bil Air

Biasanya, kita terima bil air daripada Jabatan Bekalan Air. Namun, setelah diswastakan kepada Indah Water Konsortium (IWK), para



Jangan membazir air. Berjimatlah apabila menggunakannya.



Rancanglah perbelanjaan isi rumah anda.

pengguna akan menerima bil air daripada syarikat tersebut. Meskipun begitu, ia tidak bermakna bahawa anda tidak boleh menjadi pengguna yang bijak dan prihatin. Anda perlu memastikan bahawa setiap bayaran atau caj yang dikenakan pada bil anda adalah caj yang telah anda gunakan dan tidak berlebihan. Perincian penggunaan pada bil air dapat membantu anda memahami bayaran yang dikenakan terhadap perkhidmatan yang diterima. Jika anda menghadapi sebarang keraguan atau kesulitan, segeralah menghubungi IWK atau pihak Kerajaan Tempatan bagi mendapatkan penjelasan yang sah. Melalui cara ini, anda dapat mengelak daripada caj yang berlebihan atau dikenakan bayaran yang tidak sepatutnya.

Bil Telefon

Bil-bil telefon yang dikeluarkan oleh Telekom Malaysia mahupun syarikat-syarikat telefon selular yang lain adalah bil-bil terperinci. Ini bermakna, semua panggilan STD (sistem terus dail) ditunjukkan dalam bil anda. Oleh itu, jika bil telefon anda menunjukkan panggilan ke tempat-tempat yang anda tidak buat panggilan, anda harus membuat aduan kepada pihak yang berkenaan. Sebagai langkah berjaga-jaga, amalkan tabiat menyimpan rekod untuk setiap panggilan STD yang anda buat. Dan, pastikan telefon anda tidak digunakan tanpa pengetahuan anda. Juga, simpan semua bil yang anda sudah jelaskan. Selain bukti pembayaran, bil-bil dapat digunakan untuk menyemak corak pembayaran. Bil-bil semasa dapat dibandingkan dengan bil-bil terdahulu. Dengan cara, sekurang-kurangnya ia dapat membantu anda mengawal dan merancang penggunaan telefon yang lebih berkesan.

syarikat, terutamanya syarikat-syarikat yang telah berjaya, untuk tidak melupakan tanggungjawab mereka kepada masyarakat awam selaras dengan konsep masyarakat penyayang seperti yang digariskan di dalam Wawasan 2020.

Secara keseluruhannya, kod etika ini menekankan betapa pentingnya diwujudkan suatu tahap kecekapan tingkahlaku korporat yang mempunyai sifat-sifat profesionalisma dan kebolehpercayaan untuk mendukung integriti korporat yang baik dan sihat. Adalah diharapkan agar pengarah syarikat akan dapat melaksanakan tugasnya semata-mata untuk

kepentingan syarikat, dan bukannya untuk kepentingan pengarah itu sendiri.

Untuk tujuan tersebut, kod etika ini di antara lain menggariskan agar seseorang pengarah syarikat dapat menghadkan dirinya menjadi pengarah syarikat kepada suatu bilangan syarikat di mana dia boleh dan dapat menumpukan perhatian dan penglibatannya dengan sebaik-baiknya dan berkesan. Tidak ada gunanya jika seseorang pengarah menjadi pengarah kepada terlalu banyak syarikat semata-mata untuk meraih elaun pengarahnya sedangkan beliau tidak berupaya untuk menumpukan perhatian dan penglibatannya secara

berkesan dalam menerajui pengurusan syarikat-syarikat berkenaan. Keadaan ini agak lebih malang jika syarikat-syarikat yang terlibat adalah syarikat-syarikat awam.

Kod etika ini juga menggariskan panduan mengenai perhubungan pengarah-pengarah dengan pemegang syer, pekerja, pemiutang dan pelanggan-pelanggan syarikat berkenaan. Semoga semua masyarakat korporat dapat menghayati dan mengamalkannya demi suasana korporat yang beretika dan berdaya saing di negara ini.

*Petikan Ucapan
YB. Dato' Hj. Abu Hassan Hj. Omar
di Majlis Pelancaran Kod Etika
Pengarah Syarikat pada 18 April
1996.*

Disenaraikan nombor telefon Bahagian-bahagian dan Pejabat-pejabat Cawangan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Pejabat-pejabat Penguatkuasa di ibu negeri merupakan urusetia Majlis Hal Ehwal Pengguna Negeri (MHEPN). Sekiranya anda memerlukan maklumat atau nasihat, sila hubungi Pejabat Cawangan berhampiran di kawasan anda.

Bahagian Penguatkuasa:

Billik Gerakan K. Lumpur 03-4436888/03-4437888
Wilayah Persekutuan K. Lumpur 03-4423555
Kuala Lumpur (Ibu Pejabat) 03-4433366

Perlis

Kangar: 04-9761478

Kedah

Alor Star: 04-7339062

Sg. Petani: 04-4213400

Langkawi: 049660420

Pulau Pinang

P.Pinang: 04-2616168

Seberang Prai: 04-317500

Perak

Ipoh: 05-2555001

Taiping: 05-8075044

Teluk Intan: 05-6227967

Selangor

Shah Alam: 03-5595544

Kajang: 03-8367444

K.Kubu Baru: 03-8042495

Wilayah Persekutuan

K.Lumpur: 03-4423555

Labuan: 089-417669

N. Sembilan

Seremban: 06-730372

Melaka

Melaka: 06-2820422

Johor

Johor Bahru: 07-2234699

Kluang: 07-736877

Muar: 06-9522709

Mersing: 07-7994211

Pahang

Kuantan: 09-523892

Temerloh: 09-2961688

Raub: 09-3551670

Terengganu

K. Terengganu: 09-6221234

Kemaman: 09-8591919

Kelantan

Kota Bharu: 09-7481117

Kuala Krai: 09-9666368

Sabah

K. Kinabalu: 088-235702

Sandakan: 089-668291

Tawau: 089-776690

Sarawak

Kuching: 082-245202

Sibu: 084-331931

Miri: 085-412862

Bintulu: 086-332176

Pejabat-Pejabat Pendaftaran Perniagaan

K. Lumpur (Ibu Pejabat) 03-4433366

Alor Setar 04-7318277

Butterworth 04-3327793

Kota Bharu 09-7484599

Kuantan 09-553600

K. Terengganu 09-6237170

Johor Bharu 09-2244710

Melaka 06-2821822

Bahagian Harta Intelek

K. Lumpur (Ibu Pejabat) 03-2329955

Kota Kinabalu 088-233571

Kuching 089-428499

Bhg. Hal Ehwal Pengguna 03-2329955

Bhg. Perdagangan Dalam Negeri 03-2329955

Pejabat-Pejabat Pendaftaran Syarikat

K. Lumpur (Ibu Pejabat) 03-4433366

Alor Setar 04-7330111

P. Pinang 04-3332081

Ipoh 05-2416900

Kuantan 09-553866

Kota Bharu 09-7482860

Kota Kinabalu 088-233346

Kuching 082-428499

Labuan 087-414100

